KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	18/10/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN NEGERI KELANTAN			

Kebun musang king di Ulu Galas kosong

GUA MUSANG – Kebun durian musang king dan getah di Kampung Pulai yang terpalit dalam isu tanah Hutan Simpan Ulu Galas kini sunyi sepi tanpa sebarang aktiviti menuai hasil susulan notis pengosongan 14 hari sudah tamat tempoh.

Lebih 30 pekebun akur dengan arahan yang dikeluarkan Jabatan Perhutanan negeri sejak 30 September lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Pekebun Kecil di Hutan Simpan Ulu Galas, Leow Chin Meng, 53, berkata, meskipun akur dengan arahan itu tetapi mereka berharap perkara itu bersifat sementara sahaja.

Katanya, kira-kira 10 pengusaha durian dan 20 pengusaha getah tidak sanggup melepaskan tanah yang sudah diusahakan sejak berpuluh tahun lalu.

"Setiap pengusaha dapat menuai hasil sebanyak satu tan bagi setiap musim atau RM30,000 bagi setiap pengusaha sejak 15 tahun lalu.

"Bagi pengusaha getah pula, mereka dapat menjana RM15,000 hingga RM16,000 setiap tahun sejak 25 tahun lalu," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Chin Meng berharap, penyelesaian dapat dicapai terutamanya dalam isu sewa tanah di kawasan itu.

Katanya, sebelum ini, anak syarikat kerajaan negeri, pernah datang berunding dengan pekebun, namun tiada kata putus.

Kosmo! sebelum ini melaporkan, lebih 30 pekebun durian musang king dan getah di Kampung Pulai merayu pertimbangan semula arahan pengosongan kebun seluas 90 hektar di Hutan Simpan Ulu Galas.



PEKEBUN musang king dan getah akur dengan arahan untuk mengosongkan kawasan kebun di Hutan Simpan Ulu Galas, Gua Musang semalam.

KERATAN *Kosmo!* 15 Oktober 2021.